



TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002  
Faks : 03-88892639  
E-mel : farida@jpa.gov.my  
Web : http://www.jpa.gov.my



PENGKIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : MY-AR : 4697



Ruj. Kami  
Tarikh

: JPA.BK(S) 255/4/5 Jld.7 (13)  
: 10 Januari 2013



**YBhg. Dato' Dr. Rosli Bin Mohamed**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

**YBhg. Dato',**

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI  
PERJAWATAN DAN GAJI PEKERJA-PEKERJA SEKTOR AWAM (JKK-  
MPGSA) BERHUBUNG PENGGUHAN PENILAIAN TAHAP  
KECEMERLANGAN BAGI KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-  
BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN DI KEMENTERIAN  
PELAJARAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat jabatan ini rujukan JPA.BK(S)255/4/5 Jld.5 (56) bertarikh 13 April 2012 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' sedia maklum, pemakaian penilaian tahap kecemerlangan bagi urusan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah ditetapkan pelaksanaanya mulai 1 Januari 2013. Jabatan ini juga mengambil maklum bahawa KPM bersama-sama Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) telah membangunkan kriteria kecemerlangan ini dan telah mengemukakan kepada jabatan ini untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran.

3. Walau bagaimanapun, bagi tujuan meneliti isu-isu pelaksanaan yang mungkin berbangkit, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA) Bilangan 4 Tahun 2012 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 7 Disember 2012 telah bersetuju supaya tarikh kuat kuasa pemakaian kriteria kecemerlangan dalam urusan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan dipinda kepada 1 Julai 2013. Pihak kementerian diminta untuk mengambil peluang berikutnya pindaan tarikh kuat kuasa ini untuk meneliti secara terperinci kriteria yang telah dibangunkan bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit.
4. Dengan keputusan ini semua urusan kenaikan pangkat bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 30 Jun 2013 hendaklah mengikut surat edaran JPA.BK(S)255/4/5 Jld.5 (56) bertarikh 13 April 2012.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(DATUK FARIDA MOHD ALI)

s.k

**YBhg.Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
**62604 W.P. PUTRAJAYA**